

Dewan Negara lulus usul terima kasih kepada Dr. M

7 NOV 2003

KUALA LUMPUR 6 Nov. — Dewan Negara hari ini sebulat suara meluluskan usul khas merakamkan pengiktirafan dan ucapan terima kasih kepada Perdana Menteri keempat, Tun Dr. Mahathir Mohamad di atas jasa, bakti, perjuangan, pengorbanan dan cetusan pemikiran kepada bangsa dan negara selama ini.

Usul tersebut dibentangkan oleh Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Senator **Tan Sri Kasitah Gaddam**, disokong oleh Senator **Datuk Nor Azah Awin** yang juga menyokong penuh pelantikan Perdana Menteri kelima, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Sebanyak 14 orang mengambil bahagian dalam perbincangan usul tersebut iaitu Senator Datuk Dr. S Vijayarajam, Senator Lim Kim Moi, Senator Datuk Mohammad Taha Arifin, Senator Datuk Karim Ghani, Senator Hassan Shukri, Senator Tan Sri Abdullah Ayub dan Senator M. Ratnam.

Senator Syed Ali Syed Abbas Alhabshee, Senator Jaya Partiban, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Senator Datuk M. Kayveas, Senator Datuk Hazizah Mohd. Sultan, Senator Lee Sing Chooi, Senator Datuk Muhammad Abdul Ghani dan Senator Datuk Dayang Mahani Tun Pengeran Ahmad Raffae.

Kasitah semasa menggulung perbincangan usul tersebut mengucapkan terima ka-

sih kepada ahli-ahli dewan termasuk Timbalan Presiden Pas, Senator Hassan Shukri yang telah memberikan sanjungan dan pujian kepada Dr. Mahathir.

Menurutnya, sanjungan dan pujian kepada Dr. Mahathir ini membuktikan bahawa bekas Perdana Menteri itu telah membawa kejayaan dan kemakmuran kepada setiap lapisan masyarakat di negara ini termasuk di negeri yang diperintah oleh pembangkang.

Terdahulu semasa membentangkan usul itu Kasitah berkata, Dr. Mahathir dalam tempoh 22 tahun menjadi Perdana Menteri telah berjaya mewujudkan pembangunan yang seimbang antara kemajuan material dan rohani.

“Dr. Mahathir merupakan khazanah negara yang sangat bernilai dan arkitek Malaysia moden yang telah merencanakan satu pandangan berfokus dan penetapan rangka kerja mencapai matlamat menjadikan negara sebuah negara maju.

“Negara kita telah diwarnai dengan banyak kejayaan yang mencerminkan keyakinan rakyat dan menonjolkan imej Malaysia sebagai sebuah negara Islam yang diakui oleh ramai sarjana dan tokoh Islam antarabangsa,” katanya pada Sidang Dewan Negara hari ini.

Beliau berkata, pelantikan Abdullah sebagai Perdana Menteri kelima yang dibuat oleh Dr. Mahathir merupakan pilihan yang tepat.